

LEMBARAN MAKLUMAT PROGRAM

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Maklumat Program ("LMP") ini menyediakan maklumat utama kepada anda mengenai Kemudahan PEMBIAYAAN INTEGRASI TEKNOLOGI DAN SISTEMATIK AGROMAKANAN ("PINTAS"). Pelanggan lain telah membaca LMP ini dan mendapati ianya sangat membantu; anda juga wajar untuk membacanya.



Tarikh: _____

1. Apakah Program PINTAS Ini dan Jenis Produk Pembiayaan Yang Digunakan?

Program PINTAS merupakan kemudahan pembiayaan khusus yang ditawarkan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana ("PMKS") yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan pengeluaran agromakanan (dari hulu hingga hilir termasuk aktiviti perkhidmatan sokongan) bagi menggalakkan penggunaan agroteknologi dalam sektor agromakanan yang merangkumi mekanisasi atau automasi atau pertanian ketepatan atau teknologi digital berasaskan Revolusi Perindustrian Keempat ("4IR") atau teknologi hijau bagi meningkatkan produktiviti sektor agromakanan.

Program ini menggunakan pakai produk patuh syariah (Pembiayaan Berjangka – i) berasaskan konsep tawarruq dan juga Wakalah.

Tawarruq merujuk pada satu bentuk transaksi dengan tujuan untuk mendapatkan wang tunai. Transaksi ini melibatkan pembelian secara tangguh sesuatu barangan pada harga kos ditambah margin keuntungan dan kemudian dijual secara tunai dengan harga kos kepada pihak ketiga.

Wakalah merujuk pada kontrak dimana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang akan diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.

2. Ketahui Kewajipan Anda

Ciri-ciri mengenai Program ini adalah seperti berikut:

- Jumlah kemudahan pembiayaan anda:
 - Maksimum: Sehingga RM5,000,000
 - Minimum: RM10,000
- Tempoh kemudahan pembiayaan anda: Sehingga 120 bulan (10 tahun) termasuk sehingga 12 bulan tempoh penangguhan bayaran prinsipal (sekiranya layak)
- Kadar Keuntungan Efektif: 3% setahun dikira berdasarkan baki bulanan
- Kadar Keuntungan Siling (KKS): Kadar Asas Berian Pembiayaan (KABP) + 4% atau 10%, mana-mana yang lebih tinggi untuk pengiraan harga jualan.
- Margin kemudahan pembiayaan: Sehingga 100% termasuk kos sumbangan takaful, duti setem dan suratcara kemudahan pembiayaan (jika berkaitan)

Nota:

- Fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada) atau apa-apa cukai lain yang ditetapkan Kerajaan.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Sila buat bayaran bulanan tepat pada masanya dan sepenuhnya sepanjang tempoh pembiayaan. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan dengan lebih awal.



Hubungi kami segera jika anda tidak dapat memenuhi komitmen bayaran bulanan anda.

Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:

- Duti Setem: Seperti yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949.
- Caj Guaman & Pengeluaran: Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi Kemudahan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/mufli, carian penutupan syarikat dan caj-caj lain yang berkaitan (jika berkenaan).
- Sumbangan Takaful: Berdasarkan pada jumlah perlindungan yang diambil untuk kemudahan pembiayaan.
- Yuran Broker: RM7 bagi setiap RM1,000,000.00 kemudahan pembiayaan atau apa-apa jumlah Fi Broker yang ditetapkan oleh platform dagang komoditi sebagai i Fi Broker.

Sekiranya berlaku penamatan kemudahan pembiayaan, termasuk penyelesaian awal atau keadaan ingkar, anda perlu tahu :

- Rebat (*ibra'*) akan diberikan kepada pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu senario (tetapi tidak terhad kepada) berikut:
 - Penyelesaian awal atau penebusan awal atau pembayaran awal;
 - Penyelesaian kemudahan pembiayaan disebabkan pelaksanaan penstrukturan;

- iii. Penyelesaian awal oleh pelanggan bagi kes kemungkiran di mana walaupun pelanggan mungkir, Pelanggan membuat penyelesaian penuh bagi keterhutangan kemudahan pembiayaan sebelum tarikh matang;
- iv. Penyelesaian oleh pelanggan bagi kes penamatan atau pembatalan kemudahan pembiayaan sebelum tarikh matang
- v. Jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (KKE) adalah lebih rendah dari jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Siling (KK)
- vi. Formula untuk pengiraan Rebat (*lbra'*) dan nilai penyelesaian adalah seperti berikut: *lbra'* (rebat) = Keuntungan Tertangguh

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada pelanggan atas kerugian akibat lewat atau gagal membayar ansuran.. Ganti rugi ini dikira berdasarkan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) sepertimana berikut: -

i. Sebelum Tarikh Matang

Ta'widh akan dikenakan ke atas ansuran tertunggak pada kadar sehingga satu peratus (1%) setahun yang akan dikira setiap hari.

$$\text{Ta'widh} = \text{Ansuran Tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

ii. Selepas Tarikh Matang

Ta'widh akan dikenakan ke atas baki tertunggak pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) yang berlaku sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM

$$\text{Ta'widh} = \text{Baki Tertunggak} \times \text{Kadar Semasa IIMM} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

Nota :

IIMM - Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

3. Ketahui Risiko Anda

1. Bank berhak untuk menolak wang dari akaun simpanan anda untuk mengimbangi bayaran ansuran bulanan atau baki pembiayaan perniagaan anda.
2. Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan).
3. Skor kredit anda mungkin terjejas, menjadikan kredit lebih sukar diperolehi atau lebih mahal untuk anda.

4. Terma Lain

1. Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya.
2. Anda digalakkan mengambil Skim Takaful Kredit untuk melindungi jumlah hutang di bawah kemudahan pembiayaan. Walau bagaimanapun, anda dibenarkan memilih penyedia takaful bukan panel yang diluluskan oleh Bank. Pelan perlindungan takaful diperlukan untuk melindungi baki kemudahan pembiayaan tertunggak anda sepanjang tempoh kemudahan pembiayaan dan/atau tempoh perlindungan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak dijangka.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai kemudahan pembiayaan anda, anda boleh:



Hubungi
1-300-88-2476



Layari
<https://www.agrobank.com.my>



Emel
customer@agrobank.com.my



Imbas kod QR di atas

Pengesahan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar akan tujuan tandatangan yang anda berikan.

☐ Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan salinan LMP kepada saya.

☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian kemudian mengenai terma dan syarat program.*

Nama:
Tarikh: